



# PERKASA USAHAWAN TANI

*Seramai 44 graduan institusi pengajian tinggi tempatan yang mengikuti  
Program Inkubasi Usahawantani UPM menamatkan kursus  
masing-masing >>2&3*

PESERTA bergambar kenangan bersama Dr Mohd Fauzi.



# Peluang uruskan PROJEK SECARA KOMERSIAL

Kursus diberi kepada mereka betul-betul tunjuk minat jadi usahawan tani tanpa mengira bidang pengajian



## FOKUS

Oleh Mohamad Hussin  
mohamad\_hussin@  
hmetro.com.my

Penganjuran Program Inkubasi Usahawan-tani Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapat sambutan apabila 44 graduan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan menamatkan kursus masing-masing.

Program Inkubasi Usa-hawantani adalah pro-gram pembangunan usa-hawan pertanian yang dimulakan awal tahun 2012.

Kursus khas keusa-hawanan kepada bakal usahawan pertanian dan ditawarkan kepada graduan UPM atau luar yang berwibawa bagi melaksana-nakan projek pertanian.

Seramai 44 graduan mengikuti program ini membabitkan lima modul iaitu tanaman ferti-gasi rock melon, ternakan ikan tilapia, ternakan ayam kampung kacukan, ekopelancongan dan



SEBAHAGIAN peserta Program Inkubasi Usahawan Tani 2015.

perkhidmatan makanan.

Naib Canselor UPM Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli berkata, peserta bukan saja mempelajari pengurusan projek, tetapi mendapat pendedahan mengenai teknik perundingan perniagaan berkesan.

Beliau berkata, setakat ini, seramai 191 graduan menamatkan program mereka sejak ditubuhkan empat tahun lalu.

"Program Inkubasi Usahawantani turut mendapat pengiktirafan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, menerusi perjanjian persefahaman (MoU) antara UPM dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pada 15 Julai 2013.

"Menerusi kerjasama ini, semua peserta program ini akan menjadi ahli kelab Myagrosis dan mendapat kad keahlian.

"Ini membolehkan mereka mendapat pinjaman



DR Mohd Fauzi



DEKAN Fakulti Pertanian UPM, Prof Dr Abdul Shukor Juraimi.

melalui 'green lane' untuk memulakan perniagaan sama ada daripada Agrobank dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN)," katanya pada majlis penutup Program Inkubasi Usahawantani 2015 di UPM, Serdang, baru-baru ini.

Hadir sama, Dekan Fakulti Pertanian UPM Prof Dr Abdul Shukor Juraimi dan Presiden Persatuan Alumni UPM Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail.

Mohd Fauzi berkata, program ini mencapai objektifnya iaitu bagi melahirkan usahawan tani cemerlang dan berwibawa yang bersedia untuk melaksanakan projek pertanian selepas menamatkan kursus masing-masing.

"Awal tahun ini, 13 syarikat ditubuhkan yang membabitkan 20 peserta daripada jumlah graduan tahun ini. Ini bermakna 57 peserta bersedia untuk memulakan perniagaan



mereka.

"Pada tahun 2012 dan 2013, dua projek daripada peserta program ini memenangi hadiah dalam pertandingan anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi kategori 'best student enterprise'.

"Pada tahun ini, unit Inkubasi menghantar tiga pencalonan ke pertandingan Keusahawanan Kemen-

terian Pendidikan 2015 iaitu dalam kategori 'best student enterprise awards', 'best entrepreneurship project awards' dan 'best entrepreneurship mentor awards,' katanya.


Menurutnya, kursus itu adalah percuma dan setiap peserta diberi eluan RM1,000 sebulan, namun kursus itu diberi kepada mereka yang betul-betul

menunjukkan minat tanpa mengira bidang pengajian untuk menjadi usahawan tani.

"Semua peserta akan diberi peluang menguruskan projek secara komersial mengikut bidang masing-masing, bermula daripada penyediaan kertas projek, pelaksanaan hingga pemantauan dan pemasaran," katanya.



GRADUAN yang mengikuti program inkubasi usahawantani UPM.



DR Mohd Fauzi menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta Program Inkubasi Usahawantani.



## DIARI AGRO

■ Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan  
Tarikh: 5-9 Ogos 2015  
Tempat: Taman Jubli Emas, Alor Setar, Kedah

■ Bengkel Penyediaan Stok Tanaman dan Penanaman Tumbuhan Darat dan Akuati  
Tarikh: 18-20 Ogos 2015  
Tempat: Resort Tasik Chini, Tasik Chini, Pahang  
Penganjur: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

■ Pasar Komuniti dan Kawan (PAKAR)  
Tarikh: Setiap Selasa dan Khamis  
Jam: 4 petang hingga 10 malam  
Tempat: Jengka, Pahang

■ Laman Perikanan Maeps, Serdang  
Tarikh: April - Disember 2015  
Hari: Rabu, Khamis, Sabtu dan Ahad  
Jam: 10 pagi - 4 petang  
Penganjur: Jabatan Perikanan

■ Pasar Rabu  
Tarikh: Setiap Rabu  
Tempat: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah (SHAS), Indera Mahkota, Kuantan, Pahang  
Jam: 10 pagi hingga 2 petang

■ Pasar Tani Mega Fama  
Tarikh: setiap Ahad  
Tempat: Pusat Transformasi Bandar (UTC), Kuantan, Pahang  
Jam: 7 pagi hingga 2 petang

Untuk hebahan aktiviti @ program agro boleh e-mel kepada rencana@mediaprima.com.my